

**MODUL PERKEMBANGAN
PEMBELAJARAN (MPP) UPSR
2019**

MPP 2

**BAHASA MELAYU
PEMAHAMAN
SK**

NAMA :

TAHUN :

DIGUBAL OLEH GURU AKRAM TERENGGANU


BAHAGIAN A
[20 markah]

Soalan 1 hingga 11

Isi tempat kosong dengan jawapan yang paling sesuai.

- 1 Cikgu Arifah :Najla, beritahu kepada peserta larian berganti-ganti 4 X 100 meter supaya _____ datang ke sekolah petang ini untuk latihan.
Najla :Baiklah, cikgu.
- | | | | |
|---|--------|---|--------|
| A | kita | B | kamu |
| C | kalian | D | mereka |

Soalan 2 berdasarkan gambar di bawah.



- 2 Khaulah menunggang basikal di laluan basikal supaya dia dapat melihat kenderaan yang datang dari arah _____ nya.
- | | | | |
|---|---------|---|----------|
| A | tepi | B | penjuru |
| C | hadapan | D | belakang |
- 3 Pokok kelapa di belakang rumah nenek Syamimi condong akibat dipukul _____ yang kencang semalam.
- | | | | |
|---|-------|---|-------|
| A | petir | B | bayu |
| C | ribut | D | kilat |
- 4 "Gerakan mencari peserta acara larian Gopeng Ultra Trail di kawasan Gua Tempurung, Kampar yang hilang itu akan diteruskan _____ pagi esok," kata Inspektor Irfan selaku jurucakap Polis Diraja Malaysia (PDRM).
- | | | | |
|---|----------|---|----------|
| A | dari | B | hingga |
| C | daripada | D | semenjak |
- 5 "Izinkan _____ masuk menghadap _____ untuk memaklumkan berita gembira tentang kejayaan Laksamana Tun Tuah menghapuskan petualang lanun di Selat Melaka," beritahu Bendahara Tun Perak kepada Permaisuri Tun Teja.
- | | | | |
|---|------------------|---|-------------------|
| A | patik ... beta | B | patik ... baginda |
| C | hamba ... tuanku | D | hamba ... baginda |
- 6 Para peserta yang menyertai pertandingan berkanu perlu berhati-hati ketika melalui jeram kerana arusnya sangat _____ .
- | | | | |
|---|---------|---|-------|
| A | pantas | B | deras |
| C | kencang | D | kuat |

MPP 2 BAHASA MELAYU PEMAHAMAN SK

Tidak dibenarkan mengeluarkan mana-mana bahagian modul ini dalam sebarang bentuk atau cara tanpa kebenaran bertulis daripada Pengarah Pendidikan Terengganu

- 7 Ayu _____ menghabiskan ubat antibiotik yang diberikan oleh Doktor Nadia bagi merawat penyakitnya itu.
- A mesti
C sedang
- B masih
D pernah
- 8 Encik Dhiyauddin dan isterinya telah menyediakan _____ jenis juadah semasa majlis sambutan ulang tahun kelahiran anak mereka yang ke-12 baru-baru ini.
- A setiap
C segala
- B seluruh
D pelbagai
- 9 "Wah, sambutan Hari Raya Aidilfitri peringkat sekolah kamu diadakan secara _____!" kata Sayid dengan penuh keterujaan kepada Aqasyah.
- A besar-besaran
C gegak-gempita
- B berdedai-dedai
D gilang-gemilang

Soalan 10 berdasarkan gambar di bawah.



- 10 Encik Ammar membawa _____ senapang sambil menggalas _____ tali semasa memburu di dalam hutan.
- A sebatang ... seutas
C selaras ... segelung
- B sebuah ... selembat
D sepucuk ... selingkar
- 11 Mat Kilau terpaksa _____ ke hulu Sungai Tembeling untuk mengelakkan daripada ditangkap oleh tentera British yang diketuai oleh Hugh Clifford.
- A menghilir
C berlabuh
- B bermudik
D berpatah
- 12 Tanpa berputus asa, Farris telah mempelbagaikan produk makanan dan promosi agar hasratnya untuk membuka perniagaan makanan berkonsepkan warung bas mendapat sambutan daripada pelanggan.

Peribahasa yang sesuai untuk pernyataan di atas ialah

- A alang-alang berdakwat, biar hitam.
B bukit sama didaki, lurah sama dituruni.
C seikat bagai sirih, serumpun bagai serai.
D di mana bumi dipijak, di situ langit dijunjung.

MPP 2 BAHASA MELAYU PEMAHAMAN SK

Tidak dibenarkan mengeluarkan ulang mana-mana bahagian modul ini dalam sebarang bentuk atau cara tanpa kebenaran bertulis daripada Pengarah Pendidikan Terengganu

- 13 “Rumpun bambu boleh dijadikan landskap yang menarik di taman-taman rekreasi dan pekarangan kediaman,” kata perunding landskap dan taman, Cik Atiqa.

Pilih perkataan sinonim bagi bambu.

- I aur
II tebu
III serai
IV buluh

- A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

- 14 Murid-murid yang ingin membuka akaun simpanan SSPN-i perlulah mengisi maklumat dengan tepat pada borang yang diberikan sebelum menghantarnya.

Pilih perkataan antonim bagi tepat.

- A betul
B cukup
C kabur
D sempurna

- 15 *Pilih ayat tanya yang sesuai bagi jawapan yang diberikan.*

Cikgu Umairah sedang menghadiri Kursus Pemantapan Bahasa Melayu di Pulau Redang selama seminggu.

- A Apakah yang sedang dilakukan oleh Cikgu Umairah di Pulau Redang?
B Mengapakah Cikgu Umairah menghadiri kursus Pemantapan Bahasa Melayu di Pulau Redang selama seminggu?
C Siapakah yang akan mengikuti kursus Pemantapan Bahasa Melayu selama seminggu di Pulau Redang?
D Berapa lamakah Kursus Pemantapan Bahasa Melayu yang sedang dihadiri oleh Cikgu Umairah di Pulau Redang?

- 16 *Pilih ayat-ayat yang menggunakan perkataan bergaris dengan betul.*

- I Farahain berharap agar memperoleh masalah daripada kursus motivasi yang dihidirinya.
II Sebagai warganegara yang bertanggungjawab, kita perlu barganding bahu jika negara menghadapi masalah.
III “Soalan penyelesaian masalah melibatkan operasi tambah adalah mudah,” jelas Cikgu Seri kepada murid-murid Tahun 6 al-Furqan.
IV Dr. Dayang menasihati Puan Syakirah agar menjauhi tekanan dan rasa masalah supaya dia dapat menghilangkan stresnya.

- A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

Soalan 17 hingga 20

Baca puisi di bawah, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

Cantik sungguh si bunga raya,
Lima kelopak cantik menawan;
Kalau mahu hidup berjaya,
Usaha dan doa mesti amalkan.

Kampung Daik aman sentosa,
Hidup *muafakat* dalam harmoni;
Buatlah baik kepada semua,
Kelak dirimu akan dihormati.

Pohon damak di tengah hutan,
Batangnya sekah dililit rotan;
Sikap tamak perlu dielakkan,
Selalu bersedekah untuk kebajikan.

Memburu rusa di hujung desa,
Membawa bekalan kuih sagu;
Berbudi bahasa berakhlak mulia,
Menjadi amalan setiap waktu.

- 17 Apakah yang cuba disampaikan melalui puisi di atas?
- A Pelbagai nasihat.
 - B Ciri-ciri alam sekitar.
 - C Faktor-faktor perpaduan.
 - D Kepentingan flora dan fauna.
- 18 Berdasarkan puisi, apakah faktor orang yang berjaya?
- A Menuntut ilmu.
 - B Berdoa sepanjang masa.
 - C Berbuat baik kepada orang lain.
 - D Rajin berusaha dan turut berdoa.
- 19 Berikut ialah pernyataan yang benar tentang puisi di atas, **kecuali**
- A kita akan dihormati jika selalu berbuat baik.
 - B kejayaan tidak boleh dicapai jika tiada ikhtiar dan doa.
 - C akhlak yang mulia hendaklah sentiasa dijadikan amalan.
 - D setiap kebajikan yang perlu dilakukan hanyalah bersedekah
- 20 Kata *muafakat* dalam puisi di atas bermaksud
- A mematuhi ketua.
 - B bekerja dengan kuat.
 - C selalu bermesyuarat.
 - D seia sekata dan sepakat.

MPP 2 BAHASA MELAYU PEMAHAMAN SK

Tidak dibenarkan mengeluarkan mana-mana bahagian modul ini dalam sebarang bentuk atau cara tanpa kebenaran bertulis daripada Pengarah Pendidikan Terengganu

BAHAGIAN B

[30 markah]

Soalan 21

- (a) Pilih perkataan yang paling sesuai untuk diisi pada tempat kosong dalam petikan di bawah.

dalam	pada	dari	serta
kepada	atau	daripada	di

Televisyen merupakan salah satu _____ media massa popular yang digunakan untuk menyebarkan maklumat _____ orang ramai. Boleh dikatakan hampir setiap rumah _____ negara ini memiliki televisyen kerana harganya mampu dibeli dan banyak kepentingannya. Walau bagaimanapun, menonton televisyen juga boleh memberikan sama ada kesan baik _____ buruk. Dengan ini, ibu bapa hendaklah memantau tontonan anak-anak mereka.

[4 markah]

- (b) Tulis ayat susunan songsang yang sesuai bagi ayat susunan biasa yang diberikan di bawah.

Ayat Susunan Biasa : Encik Aniq dan isterinya ke pasar untuk membeli serondeng.

Ayat Susunan Songsang : _____

[2 markah]

Soalan 22

- (a) Tandakan (✓) di dalam petak yang disediakan bagi mengisi tempat kosong dalam ayat-ayat di bawah.

- (i) _____ masih kanak-kanak, murid-murid sekolah perlu dilatih supaya mengutamakan keselamatan diri sendiri.

Sekiranya	<input type="checkbox"/>
-----------	--------------------------

Ketika	<input type="checkbox"/>
--------	--------------------------

Sungguhpun	<input type="checkbox"/>
------------	--------------------------

MPP 2 BAHASA MELAYU PEMAHAMAN SK

Tidak dibenarkan mengeluarkan mana-mana bahagian modul ini dalam sebarang bentuk atau cara tanpa kebenaran bertulis daripada Pengarah Pendidikan Terengganu

- (ii) Guru-guru pemimpin _____ membersihkan tapak perkhemahan bersama-sama ahli-ahli Tunas Kadet Remaja Sekolah sebelum bersurai.

ambil mudah	
-------------	--

turun padang	
--------------	--

berbesar hati	
---------------	--

[2 markah]

- (b) Dalam petikan di bawah, terdapat tiga kesalahan ejaan. Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu.

Kendatipun mengalami demam selesema, Amirul tetap ingin menyertai kem motivasi itu setelah mendapat keizinan daripada kedua-dua ibubapanya. Sepanjang ceramah disampaikan oleh Cikgu Nadia dalam kem tersebut, Amirul mencatat perkara-perkara penting pada buku nota dengan menggunakan pensil. Amirul terpaksa memakai jaket ketika kem berkenaan untuk mengelakkan kesejukan. Apabila rehat, Amirul dan kawan-kawannya ke dewan makan untuk menikmati kudapan. Dia hanya makan sedikit mi goreng dengan menggunakan garfu kerana agak kurang berselera.

Kesalahan Ejaan	Ejaan yang Betul
(i)	(i)
(ii)	(ii)
(iii)	(iii)

[3 markah]

Soalan 23

Perkataan bergaris dalam ayat-ayat di bawah salah penggunaannya. Tulis perkataan yang betul dalam ruang yang disediakan.

- (a) “Sila kalian bersabar, kami menghadapi sedikit masalah teknikal. Persembahan akan bermula sebentar lagi.” kata Encik Farhan kepada para hadirin.

- (b) Pelbagai aktiviti yang paling menarik sekali telah diadakan sepanjang Karnival Bahasa Melayu berlangsung.

- (c) “Wanita itukah kakak sulung Hazwan.” kata Izzah kepada ibunya, Puan Adila.

- (d) “Amboi, panasnya cuaca pada hari ini!” keluh Afiqa kepada Taqiuddin.

[4 markah]

MPP 2 BAHASA MELAYU PEMAHAMAN SK

Tidak dibenarkan mengeluarkan mana-mana bahagian modul ini dalam sebarang bentuk atau cara tanpa kebenaran bertulis daripada Pengarah Pendidikan Terengganu

Soalan 24

Baca jadual di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat yang lengkap.

Analisis Keputusan Peperiksaan Pertengahan Tahun 2019
Bahasa Melayu Penulisan
SK Permai Indah

Tahun	Bilangan Murid	A	B	C	D	Peratus Lulus	E	Tidak Hadir	Peratus Gagal
6 Abas	35	20	15	-	-	100%	-	-	-
6 Amru	33	10	13	10	-	100%	-	-	-
6 Khaldun	33	6	10	8	7	93.9%	2	-	6.06%
6 Salam	35	-	5	10	15	85.7%	3	2	14.3%
6 Umar	28	-	-	3	17	71.4%	5	3	28.6%

- (a) Nyatakan jumlah murid yang tidak lulus berdasarkan jadual di atas.

[1 markah]

- (b) Kelas manakah yang paling cemerlang dalam pencapaian Bahasa Melayu di Sekolah Kebangsaan Permai Indah?

[2 markah]

- (c) Wajarkah analisis keputusan peperiksaan dibuat? Berikan alasan.

[3 markah]

Soalan 25

Baca petikan di bawah, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

Menara Condong merupakan salah satu bangunan warisan di negara kita. Bangunan ini asalnya tidaklah condong sebagaimana sekarang. Bangunan ini asalnya dikenali sebagai Menara Jam Tinggi kerana di bahagian atasnya terdapat sebuah jam. Orang yang bertanggungjawab membuat Menara Jam Tinggi ini ialah Leong Choon Cheong atau Ah Cheong. Sebagai arkitek, beliau telah mendapat ilham membina reka bentuk Menara Jam Tinggi sedemikian berdasarkan bangunan pagoda di negara China. Tujuan asal pembinaan Menara Jam Tinggi pada tahun 1885 adalah untuk menempatkan sebuah tangki air. Air daripada tangki ini digunakan oleh penduduk setempat apabila musim kemarau atau sebagai keperluan bagi memadamkan kebakaran. Hal ini kerana pada waktu itu tidak ada perkhidmatan bomba.



Pada tahun 1895 berlaku banjir besar di Teluk Anson (nama lama bagi Teluk Intan) yang menyebabkan tapak dan tingkat bawah menara ini tenggelam. Kesan banjir yang berlaku serta bebanan tangki air yang begitu berat dipercayai punca menara ini mula condong ke arah barat sehinggalah ke hari ini. Mercu tanda yang mempunyai ketinggian 85 kaki dari aras bumi ini hampir menyerupai Menara Pisa yang terletak di Itali. Menara Condong ini mempunyai tiga tingkat, setiap aras mempunyai ketinggian 15.5 kaki. Menara Condong juga mempunyai 110 anak tangga yang diperbuat daripada kayu yang berkualiti.

Diubah suai daripada rencana "Menara Condong Teluk Intan (2)" dalam <http://mybagan.blogspot.com>

(a) Mengapakah Menara Condong ini dibina pada asalnya?

[2 markah]

MPP 2 BAHASA MELAYU PEMAHAMAN SK

Tidak dibenarkan mengeluarkan mana-mana bahagian modul ini dalam sebarang bentuk atau cara tanpa kebenaran bertulis daripada Pengarah Pendidikan Terengganu

(b) Apakah punca bangunan mercu tanda bagi bandar Teluk Intan ini condong ke arah barat?

[2 markah]

(c) Nyatakan betul bagi pernyataan yang betul dan salah bagi pernyataan yang salah

(i) Menara Condong ialah bangunan tiga tingkat dan mempunyai ketinggian 85 meter dari aras bumi.

(ii) Arkitek yang bertanggungjawab mereka cipta serta membina Menara Jam Tinggi ini ialah Leong Choon Cheong.

[2 markah]

(d) Pada pendapat kamu, mengapakah bangunan warisan perlu dipelihara?

[3 markah]

KERTAS SOALAN TAMAT

MPP 2 BAHASA MELAYU PEMAHAMAN SK

Tidak dibenarkan mengeluarkan ulang mana-mana bahagian modul ini dalam sebarang bentuk atau cara tanpa kebenaran bertulis daripada Pengarah Pendidikan Terengganu